

# PERBARISAN PERPINDAHAN PERMULAAN PANGKALAN UDARA KUALA LUMPUR

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3177-perbarisan-perpindahan-permulaan-pangkalan-udara-kuala-lumpur](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3177-perbarisan-perpindahan-permulaan-pangkalan-udara-kuala-lumpur)







**KUALA LUMPUR, 15 Mac 18 – Satu Perbarisan Perpindahan Permulaan Pangkalan Udara Kuala Lumpur telah diadakan di Markas Pangkalan Udara Kuala Lumpur. Perbarisan ini terdiri daripada 15 orang pegawai dan 205 orang anggota lain-lain pangkat diketuai oleh Lt Kol Baharin bin Mohamad TUDM selaku Ketua Perbarisan. Perbarisan ini julung kali diadakan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sekaligus melakar sejarah sebagai Pangkalan Udara pertama TUDM yang bakal berpindah ke Pangkalan Udara Sendayan.**

Upacara Penyerahan Bendera Pangkalan Udara Sendayan kepada Komander Pangkalan Udara Sendayan, YBhg Kol Mohamad Noh bin Daim TUDM merupakan simbolik perpindahan permulaan Pangkalan Udara Kuala Lumpur yang telah disempurnakan

oleh Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM .  
Upacara ini turut disaksikan oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja  
Mohammed Affandi bin Raja Mohamed Noor.

Menyingkap kembali Pangkalan Udara Kuala Lumpur yang bertempat di Jalan  
Lapangan Terbang Lama, Sg Besi ini juga merupakan Pangkalan Udara Pertama  
Tentera Udara Diraja British (Royal Air Force) di Tanah Melayu yang mula beroperasi  
pada 1 Jun 1941 manakala Tentera Udara Diraja Persekutuan pula telah ditubuhkan  
dan beroperasi pada tanggal 2 Jun 1958. Pangkalan ini bertujuan bagi memudahkan  
operasi 'Royal Air Force' dalam mempertahankan Tanah Melayu serta menjadi pusat  
perhubungan Royal Air Force dengan Pangkalan di Seletar, Singapura.

Pada tanggal 25 Oktober 1960, Kerajaan British secara rasminya telah menyerahkan  
pangkalan ini kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bagi kegunaan Tentera  
Udara Diraja Persekutuan yang kemudiannya dikenali sebagai Tentera Udara Diraja  
Malaysia(TUDM).

Oleh kerana pembangunan dan perubahan kawasan sekitar pangkalan yang begitu  
pesat membangun, peranan Pangkalan Udara Kuala Lumpur juga turut berubah.  
Sebagai komitmen kerajaan, pangkalan ini perlu dipindahkan ke kawasan yang lebih  
luas , komprehensif, sistematik dan dilengkapi dengan kemudahan yang lengkap sejajar  
Pelan Transformasi Air-Force Next Generation TUDM yang sedang dilaksanakan.

Turut hadir di perbarisan ini, Timbalan Panglima Tentera Udara; YBhg Lt Jen Dato' Sri  
Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM serta Pegawai-pegawai Kanan TUDM.